

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 2012


PENGECUALIAN BAYARAN PENDAFTARAN BORANG 26A (PEMBERITAHUAN PERTUKARAN ALAMAT) DI BAWAH SEKSYEN 379 KANUN TANAH NEGARA 1965

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan negeri Kelantan bahawa bayaran pendaftaran Borang 26A (Pemberitahuan Pertukaran Alamat) di bawah Seksyen 379 Kanun Tanah Negara 1965 yang dikenakan pada kadar sebagaimana Item 64, Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 adalah dikecualikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Kelantan mengikut peruntukan kuasa kepadanya di bawah Kaedah yang sama.

2. Pengecualian bayaran pendaftaran tersebut adalah bertujuan untuk menggalakkan pemilik tanah atau mana-mana orang atau badan yang berkepentingan bagi mengemaskinikan maklumat alamat masing-masing dalam dokumen hakmilik daftaran. Hal ini secara tidak langsung akan memudahkan pihak Pentadbiran Tanah untuk menyampaikan notis-notis berkaitan kepada mereka yang berkenaan.

3. Selain daripada bayaran pendaftaran, bayaran-bayaran lain yang mungkin boleh dikenakan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 dalam hal ini adalah juga dikecualikan. Namun begitu bayaran bagi Borang 26A yang dikenakan di bawah Item 76, Kaedah yang sama hendaklah dipungut seperti biasa.

4. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta. Semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum dan tindakan yang sewajarnya selaras dengan kehendak Arahan ini.



(DATO' HJ. WAN MUSTAPHA B. WAN AB. HAMID)

Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tuan Guru Dato' Bentara Setia, Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN.**

No. Fail : PTG.KN.32/69 JLD.3 (21)
Bertarikh : 7 Zulkaedah 1433H
23 September 2012